

22/01/2003

Empangan ketiga Melaka akan dibina Jun

Hasnira Hassan

MELAKA: Satu lagi empangan baru akan dibina dalam pertengahan tahun ini bagi menampung permintaan bekalan air untuk rakyat di negeri ini khususnya penduduk di kawasan Alor Gajah sehingga 2023.

Pada masa ini, Melaka mempunyai dua empangan utama iaitu Empangan Durian Tunggal yang menjadi pembekal air utama kepada penduduk di seluruh negeri, manakala Empangan Jus yang memberi tumpuan kepada penduduk di kawasan Jasin.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata empangan yang dinamakan sebagai Empangan Jernih akan dibina berhampiran Sungai Siput.

Bagaimanapun, katanya, empangan yang dijangka dapat disiapkan dalam tempoh setahun itu hanya bersaiz setengah daripada saiz Empangan Durian Tunggal.

Katanya, empangan itu memperoleh sumber air dari Sungai Siput yang kini boleh mengeluarkan sehingga sejuta gelen air sehari terutama pada musim hujan.

Beliau berkata, empangan berkenaan dijangka dapat mengeluarkan sehingga lapan juta gelen sehari dan boleh menampung permintaan penduduk di sekitar Kuala Linggi, Tanjung Bidara dan Kuala Sungai Baru.

"Sehingga kini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah bersetuju dengan cadangan ini, walaupun peruntukan daripada pinjaman kerajaan pusat belum kita peroleh," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis perasmian seranta dan bantahan awam Draf Rancangan Struktur Melaka 2000-2020 di Seri Negeri, di sini, kelmarin.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Wira Jahaya Mat; Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Amid Nordin; Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Wira Poh Ah Tiam dan Ketua Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung, Datuk Wan Mohamad Mukhtar Mohd Noor.

Draf berkenaan akan dipamerkan selama sebulan di Seri Negeri bagi memberi peluang kepada orang ramai dan pelbagai pihak mengemukakan cadangan atau rasa tidak puas hati terhadap perancangan yang dibuat.

Sementara itu, ketika mengulas mengenai Draf Rancangan Struktur Melaka 2000-2020, Mohd Ali, berkata pihaknya berharap semua pihak dan orang ramai tanpa mengira golongan masyarakat membabitkan diri untuk memberi cadangan atau bantahan terhadap rancangan terbabit.

Katanya, draf yang dibuat adalah bagi memastikan pelaksanaan pembangunan di negeri ini dibuat secara terancang, tersusun dan seimbang dalam usaha mencapai negara maju menjelang 2020 serta Melaka maju pada 2010.